

Persepsi Sayyid Qutb terhadap Paderi di Amerika Syarikat dalam Travelognya *Amerika Allati Ra 'yту*

Sayyid Qutb's Perceptions of Priests in the United States in His Travelogue *Amerika Allati Ra 'yту*

NUR ASYIQIN ZOHKARNAIN
FIRUZ-AKHTAR LUBIS

ABSTRAK

Kajian ini membahaskan kritikan pesimistik mengenai paderi di gereja dalam travelog Sayyid Qutub berjudul *Amrika Allati Raytu* atau terjemahan bahasa Inggerisnya, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Sayyid Qutb merupakan seorang pengembara Arab moden dan pemikir Islam yang hebat. Ideologi pemikirannya sentiasa dijadikan rujukan bagi membantu membangkitkan semangat masyarakat Islam abad ke-20 yang telah dijajah oleh kuasa Barat. Sayyid Qutb menghabiskan riwayat hidupnya dengan sentiasa menghasilkan penulisan bagi kegunaan umat Islam. Setiap penulisannya mengandungi makna tersirat yang perlu didalami lagi khususnya travelognya yang kurang mendapat perhatian berbanding penulisannya yang lain. Unikinya, travelog ini banyak menceritakan sisi negatif masyarakat Amerika Syarikat dari sudut keagamaan berfokus kepada personaliti dan peranan paderi di gereja. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis kritikan pesimistik tersebut dengan menggunakan teori pengeculian (*othering*). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan dokumentasi. Diharapkan kajian ini dapat memberi satu perspektif baru dalam kesusasteraan Arab dan sastera kembara Islami khasnya dari sudut kritikan keagamaan. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kritikan pesimistik Sayyid Qutb terhadap paderi gereja abad ke-20 di Amerika Syarikat mempunyai makna tersirat iaitu sebagai usaha untuk mempertahankan masyarakat Mesir daripada terus hanyut dalam kekaguman membuta tuli terhadap ideologi Barat yang tersebar luas ketika itu. Dengan statusnya sebagai pejuang Islam di Mesir, usahanya itu dilihat sebagai pembakar semangat Islam untuk rakyat senegarannya.

Kata kunci: Sayyid Qutb; travelog; paderi; teori pengeculian (*othering*); Amerika Syarikat

ABSTRACT

This study discusses the pessimistic criticism on church priests in Sayyid Qutub's travelogue entitled *Amrika Allati Raytu* or its English translation, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Sayyid Qutb was a modern Arab traveler and a great Islamic thinker. His ideology of thoughts has always been used as reference to help resurrect the spirit of the 20th century Muslim communities that have been colonized by Western powers. Sayyid Qutb spent his life by constantly producing writings for the use of Muslims. Each of his writings contains implicit meanings that need to be further explored, especially his travelogue which receives less attention than his other writings. Uniquely, this travelogue tells a lot about the negative side of American society from a religious point of view focusing on the personality and role of the priest in church. Therefore, this study will analyze the pessimistic criticism by using the theory of *othering*. This study is qualitative in nature using content analysis and documentation methods. It is hoped that this study can provide a new perspective in Arabic literature and Islamic travel literature especially from the aspect of religious criticism. The findings prove that Sayyid Qutb's pessimistic criticism of 20th century church priests in the United States have implicit meanings as effort to defend Egyptian society from continuing to drift in blind admiration for Western ideology that was widespread at the time. With his status as an Islamic fighter in Egypt, the effort is seen as a fuel for the Islamic spirit for his countrymen.

Keywords: Sayyid Qutb; travelogue; priest; theory of *othering*; United States

PENGENALAN

Travelog merupakan sebuah catatan pengembara yang menghimpunkan segala pengamatannya

terhadap sesuatu masyarakat (Mary 1989). Seiring peredaran waktu, catatan kembara ini semakin kerap dilakukan khususnya dari kalangan pengembara Arab moden abad ke-20. Ini termasuklah pengembara

Arab, Sayyid Qutb yang pergi mengembara ke Amerika Syarikat sambil mencatatkan keadaan masyarakat di sana.

Berdasarkan travelognya, *Amrika Allati Raytu*, didapati beliau telah mengamati masyarakat Amerika Syarikat dari pelbagai sudut pengamatan. Antaranya dari sudut sosiologi, kebudayaan dan tidak ketinggalan juga keagamaan. Namun beliau banyak menekankan dari sudut keagamaan Amerika Syarikat sahaja berbanding yang lain dan pengamatan tersebut terdiri daripada aspek kritikan pesimistik sahaja. Justeru itu, kajian ini akan menumpukan pada kritikan pesimistik dari konteks keagamaan Amerika Syarikat. Konteks kritikan pesimistik yang dibincangkan terdiri daripada aspek personaliti dan peranan paderi di gereja Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20.

Namun tidak dapat dinafikan, isu perbahasan mengenai agama merupakan satu isu yang popular dalam bidang penyelidikan. Ini dibuktikan dalam *Jurnal Islamiyyat* yang terkandung pelbagai perbahasan mengenai perbandingan agama. Antara kajian-kajian lepas yang membincangkan mengenai isu perbandingan agama ialah Indriaty Ismail & Muhammad Khairul Anuar (2020), dalam kajiannya *Genealogi Agama: Sumbangan H.O.K Rahmat S.H. (1928-1993) dalam buku "Dari Adam Hingga Muhammad"* (1976). Seterusnya, Aatur Rehman (2020), dalam artikelnya *Moralities: A Contemporary Discourse between New Atheism and Islam* dan yang terakhir, Muhammad Faisal Ashaari & Lily Yaakub & Rosmawati Mohammad Rasit (2020), dalam artikel *Idea Pemikiran Pluralisme Agama dalam Penulisan Buku Indie "Aku..., Maka Aku Ada" dan "Antithesis"*.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa fokus utama kajian yang akan dibincangkan dalam makalah ini termasuklah aspek latar belakang penulis, realiti keagamaan Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20, latar belakang teori pengecualian, analisis kritikan negatif terhadap paderi dan hasil dapatan kajian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memperincikan kepada pengumpulan data dan analisis kandungan teks kajian. Selain itu, kajian ini banyak menggunakan teks terjemahannya dalam bahasa Inggeris sebagai rujukan utama bagi menganalisis kritikan negatif terhadap keagamaan Amerika Syarikat, *The America I Have Seen: In the*

Scale of Human Values, Sayyid Qutb. Kritikan tersebut dianalisis berdasarkan teori pengecualian (*othering*) dan dikelaskan kepada beberapa tema. Manakala dari sudut pengumpulan data, selain sumber primer kajian turut menggunakan sumber sekunder seperti artikel jurnal, lama web rasmi dan ensiklopedia sebagai sokongan kajian.

LATAR BELAKANG SAYYID QUTB

Sayyid Qutb atau nama penuhnya Sayyid Qutb Husayn Syazili merupakan kelahiran Mesir dan berketurunan India (al-Khalidi 2001). Beliau berasal dari keluarga yang sentiasa mengamalkan sunnah Rasulullah saw. Ini dibuktikan rumahnya sering kali mengadakan majlis tilawah Al-Quran dan aktiviti-aktiviti keislaman yang lain bertujuan untuk mengembangkan syiar Islamiyyah. Oleh itu, keluarganya sentiasa dihormati dan di pandang tinggi dalam masyarakat (Muhammad Naim Madjid 2018). Beliau terkenal dengan seorang yang berfikiran kritis. Kehebatan pemikirannya telah diperakui oleh sarjana Barat iaitu, Armstrong. Beliau menyatakan Sayyid Qutb merupakan sasterawan Islam moden yang mahir dalam bidang kritikan sastera. Hal ini kerana setiap karyanya terkandung pedoman dan pengajaran yang boleh dijadikan sebagai pegangan dalam kehidupan manusia (Armstrong 2002).

Menurut Amir Husin (2001) beliau sentiasa menyumbangkan ideologinya demi kemaslahatan umat Islam. Hal ini dibuktikan, cetusan gagasannya sehingga kini diguna pakai khususnya dalam membangkitkan gerakan politik Islam. Malahan ada juga kajian yang menyatakan segala ideologinya berperanan penting bagi melahirkan sebuah negara yang sentiasa menerapkan ciri-ciri keislaman (Ahmad Izahan 2018). Di samping itu juga, beliau sering kali membidas segala cetusan pemikiran yang dirasakan tidak berasaskan penghayatan ke atas Islam khususnya menerusi kitab, majalah, surat khabar dan artikel. Antaranya, beliau pernah mengkritik golongan Apollo, Salah Dzihni dan Dr. Muhammad Mandur (Esposito 1995).

Beliau berasal dari keturunan yang bijak pandai, diwarisi daripada datuknya. Ini dibuktikan bahawa datuknya merupakan seorang pelajar dari kelulusan Universiti al-Azhar (Muhammad Roy Purwanto 2019). Datuknya sangat memandang tinggi keilmuan khususnya hal yang berkaitan keislaman. Namun bukan Sayyid Qutb sahaja yang memperjuangkan agama Islam, bahkan kesemua adik-beradiknya turut berkecimpung dalam bidang keagamaan. Ada

di kalangan adik-beradiknya menjawat jawatan sebagai seorang profesor di Universiti Ummu al-Qura di Makkah dan selebihnya menjadi pejuang keislaman (Ilmiah Alif 2019).

Jika diteliti, kehidupan Sayyid Qutb sangat tragis. Ini kerana beliau sentiasa diburu oleh orang Barat disebabkan ideologi pemikirannya telah berjaya menggoyahkan pengaruh Barat di Mesir. Hal ini berlaku disebabkan pemikirannya yang kritis berkat daripada sikapnya yang suka menuntut ilmu pengetahuan. Beliau mengakhiri kehidupannya di dunia ini dengan dihukum gantung sampai mati pada 29 Ogos 1966. Kehidupannya di penjara begitu teruk sekali. Beliau kerap disiksa sehingga badannya lemah dan dimasukkan ke hospital tentera buat seketika. Namun sepanjang beliau di penjara, kitab dan pena sentiasa berada disampingnya. Beliau banyak menulis dan menyumbangkan ideologinya semata-mata untuk kegunaan ummat Islam pada masa akan datang (Rosni et al. 2011).

REALITI KEAGAMAAN AMERIKA SYARIKAT

Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 merupakan sebuah negara yang tinggi peratusan penganut daripada agama Kristian aliran Protestan, Katolik dan Yahudi (Patrick 2003). Namun agama Kristian pada zaman ini tidak lagi seperti agama yang di bawa oleh Nabi Isa a.s bahkan ianya telah diubah dengan menggunakan doktrin agama yang dicipta oleh seorang sarjana Barat yang bermuslihat, iaitu Paul (Zakaria 1996).

Paul merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam menyeleweng agama ini. Beliau telah membangunkan satu doktrin baru agama Kristian yang sangat bercanggahan dengan Islam (Jameelah 1983). Ajaran agama ini dikatakan berpayung di bawah doktrin trinititi iaitu doktrin yang berfokuskan kepada konsep ketuhanan. Penganut agama Kristian mempercayai bahawa tuhan itu wujud dalam tiga keadaan utama, terdiri daripada tuhan Bapa, tuhan Jesus dan wujud sebagai suatu semangat spiritual (Arsyad 1982).

Paul merupakan ahli teologi Barat. Beliau sebelum ini merupakan penganut ajaran Yahudi namun telah bertukar agama ke Kristian. Dipercayai pertukaran agama tersebut berlaku disebabkan beliau mempunyai agenda tersendiri untuk menyeleweng agama Kristian atau agama Nasrani yang di bawa oleh Nabi Isa a.s. Tambahan lagi, Paul merupakan seorang yang hebat pemikirannya kerana berkeupayaan untuk mempelajari pelbagai

jenis doktrin yang berbeza ajarannya seperti falsafah Yunani, Greek, Injil dan Taurat. Didapati beliau telah menggunakan segala keilmuannya bagi mencipta satu doktrin baru untuk agama Kristian iaitu doktrin trinititi (Syalabi, Ahmad 1998).

Berdasarkan doktrin trinititi itu, agama Kristian ajaran Paul semakin mendapat sambutan sehingga wujudnya denominasi tersendiri. Antara denominasi yang dipercayai oleh masyarakat Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 terbahagi kepada beberapa aliran. Antaranya ialah denominasi Katolik, Protestan dan Ortodoks (Manasye Imanuelo 2010). Secara umumnya penubuhan gereja di Amerika Syarikat sekitar abad ke-20 adalah semata-mata untuk beribadah bagi mendoakan keselamatan anak-anak mereka di medan peperangan. Disebabkan itu, purata kedatangan masyarakat gereja adalah dari kalangan ibu bapa. Ini bertujuan bagi menitipkan doa supaya keselamatan anak-anak mereka terjamin di medan peperangan (Patrick 2003). Selain itu, gereja juga giat mengadakan aktiviti berunsurkan kerohanian seperti melaksanakan *healing rallies* atau dikenali sebagai hari perjumpaan bersama penganut-penganut Kristian. Tujuannya adalah untuk mengisi kekosongan jiwa yang ketika itu terperangkap dalam zaman kegelapan Eropah (Tubin 2014).


Paderi di Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 merupakan *public figure* yang unggul, sentiasa dihormati dan mempunyai pengikut yang ramai. Hal ini kerana mereka bukan sahaja ditugaskan dalam hal keagamaan di gereja bahkan juga menjalankan tugas sebagai seorang menteri dalam bidang politik negara. Erti kata lain memainkan peranan sebagai ketua bandar atau sebagai jawatan yang paling mulia disisi masyarakatnya. Maka disebabkan itu, jawatan sebagai seorang paderi sangat sukar dicapai. Hal ini kerana, institusi paderi sangat mementingkan kualiti berbanding kuantiti. Bagi menjawat jawatan sebagai seorang paderi, mereka perlu menghadapi beberapa ujian yang sukar, setanding dengan tugas yang dipikul (Achmad 1985). Antara ujian utama yang akan dijalani oleh para paderi ialah ujian yang berkaitan dalam bidang teologi. Secara umumnya, para paderi akan menduduki sebanyak tiga jenis pengajian dan ketiga-tiga tahap pengajian tersebut diwajibkan untuk lulus kesemuanya. Tiga tempoh pengajian tersebut terdiri daripada tiga tahun pertama untuk pengajian *subdiaconate*, kemudian pengajian *diaconate* selama empat tahun dan tahap terakhir sekali ialah *priesthood* selama empat tahun setengah. Tambahan lagi mereka juga perlu mencapai

had umur dalam lingkungan dua puluh empat tahun dan berkemahiran dalam hal pengibadatan Kristian di gereja (Joesof 1983).

KONSEP TEORI PENGECUALIAN

Simone De Beauvoir merupakan pengasas utama kepada cetusan teori pengecualian. Teori ini


merupakan teori yang digunakan jika seseorang ingin menggambarkan sesuatu kebudayaan. Proses pengecualian tersebut berlaku antara dua tahap yang berbeza iaitu tahap *the self* dan tahap *the other* (Herpin Nopiandi 2019). *The self* atau erti kata lain dari kalangan kita manakala *the other* tersebut dari kalangan yang lain atau kalangan mereka. Penjelasan kepada kerangka teori pengecualian ini diterangkan seperti rajah di bawah:



RAJAH 1. Hierarki Teori Pengecualian (Canales 2000)

Berdasarkan rajah di atas tahap *the self* merupakan kata ganti nama bagi kita manakala tahap *the other* pula merupakan kata ganti nama bagi mereka. Melalui teori pengecualian ini, hierarki antara keduanya masing-masing berbeza dari sudut identiti. *The self* atau kalangan kita dikategorikan sebagai *superior* manakala *the other/* kalangan mereka pula termasuk

dalam kedudukan *inferior*. Superior tersebut bererti kedudukan yang tinggi manakala *inferior* pula kedudukan yang lebih rendah daripadanya (Bauman, Z. 1991). Berdasarkan penelitian kajian, jenis teori ini terbahagi kepada dua iaitu pengecualian tersurat dan pengecualian tersirat. Ini dijelaskan dalam jadual di bawah:



RAJAH 2. Bentuk Teori Pengecualian (Brons 2015)

Setiap dua kategori pengecualian seperti rajah di atas masing-masing mempunyai pengelasan tersendiri. Kategori tersurat ialah PK atau dikenali sebagai Pengecualian Kasar. Manakala bagi pengecualian tersirat pula terdiri daripada PTK (Pengecualian Tersirat Tidak Terlalu Kritikal) dan PTDC (Pengecualian Tersirat Menjadikan Diri Sebagai Contoh Tauldan).


Berdasarkan rajah di atas pengecualian tersurat terjadi apabila dari kalangan *the self*/kita melakukan proses pengecualian secara terus terang dan mudah difahami. Erti kata lain pengecualian jenis ini dilakukan ke atas *the other* atau kalangan

mereka tersebut secara umum dan boleh memahami maksudnya tanpa perlu mentafsirkannya secara terperinci. Jenis pengecualian tersurat ini dinamakan sebagai PK (Pengecualian Kasar). Kategori pengecualian tersurat ini juga berlaku, jika kalangan *the self*/kita mengandaikan *the other*/mereka dengan yang bukan sepatutnya atas sifat yang ada dalam dirinya yang anti hal berkaitan *the other*/mereka (Brons 2015).

Berbeza pula dari sudut pengecualian tersirat. Hal ini kerana proses pengecualian tersebut teretus atas faktor keilmuan yang ada dalam diri *the self*/kita. Oleh itu, pengecualian tersirat jenis

ini memerlukan daya pemikiran yang kritis untuk memahami sesuatu pengecualian yang telah dilakukan oleh kalangan *the self*/kita (Brons 2015). Jenis pengecualian ini ialah PTK (Pengecualian

Tersirat Tidak Terlalu Kritikal) dan PTDC (Pengecualian Tersirat Dirinya Sebagai Contoh Tauladan). Perbezaan antara PTK dan PTDC seperti di bawah:



RAJAH 3. Jenis Pengecualian Tersirat (Brons 2015)

Menerusi rajah di atas, menunjukkan jenis pengecualian tersirat yang terdiri daripada PTK dan PTDC. PTK tercetus apabila identiti *the self* individu mempunyai kelebihan tidak kira dari sudut keilmuan, pengalaman dan pengetahuan. Namun pengecualian PTK ini lebih menggunakan kelebihan yang ada dalam diri individu tersebut sebagai medium utama untuk mengandaikan kalangan *the other*/yang lain tersebut.

Erti kata lain, jenis PTK merupakan pengecualian yang tidak terlalu kasar dan tidak pula terlalu kritikal ketika mengandaikan *the other*/mereka. Namun proses pengecualian tersebut berlaku kerana adanya perbezaan identiti antara dua tahap ini, *the self* dan *the other*. Perbezaan identiti diri tersebut boleh berlaku dari sudut kelebihan yang ada dalam diri masing-masing. Secara umumnya kelebihan disini bermaksud tahap *the self*/*the other* perlu menepati tiga ciri utama prinsip pengecualian. Pertama perlu mempunyai pangkat tinggi dalam masyarakat. Kedua, ketinggian ilmu yang dipelajari dan terakhir ialah mempunyai keluasan pengalaman dalam kehidupan khususnya hal berkaitan *the other*/mereka. Sekiranya *the self* menepati tiga ciri ini, proses pengecualian tersebut menjadi lengkap dan membuatkan kalangan *the other*/mereka secara total terasing secara radikal.

Hal berlainan pula berlaku bagi PTDC yang sememangnya bertujuan untuk menjadikan dirinya sebagai suri tauladan *the other*/kalangan yang lain agar mereka menjadi seperti kalangan *the self* tersebut. Erti kata lain bentuk PTDC lebih menekankan aspek tujuan pengecualian tersebut dilakukan hanya untuk memberikan contoh tauladan baik yang boleh diikuti oleh kalangan *the other*. Kategori pengecualian ini lebih sukar untuk difahami maknanya berbanding PTK. Jika jenis pengecualian PTK menjadikan kalangan *the other*/mereka terasing secara radikal, namun dalam PTDC kalangan *the other*/mereka berada pada kedudukan

inferior atau erti kata lain tidak mempunyai apa-apa keistimewaan dalam kalangan diri mereka.

Secara kesimpulannya kedua jenis pengecualian tersirat terbahagi kepada dua jenis utama iaitu PTK dan PTDC. Persamaan bagi kedua bentuk ini ialah masing-masing menggunakan kelebihan yang ada dalam identiti individu ketika melakukan pengecualian tersebut. Manakala perbedaannya adalah dari sudut kesan terhadap *the other*. Jika PTK diaplikasikan, akan membuatkan kalangan *the other*/yang lain dilihat sebagai terasing secara radikal dan kalangan mereka itu tidak pernah termasuk dalam kalangan *the self*/kalangan kita. Manakala bagi PTDC pula, membuatkan kalangan *the self* sebagai contoh yang sememangnya perlu diikuti oleh kalangan *the other*. Justeru itu, teori pengecualian ini dipilih sebagai komponen utama dalam menganalisis kritikan negatif berkenaan paderi di gereja Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20. Teori pengecualian atau teori jajahan pemikiran ini mempunyai dua jenis pengecualian iaitu pengecualian tersurat dan pengecualian tersirat. Didapati kedua-duanya mempunyai keistimewaan tersendiri yang sesuai untuk diaplikasikan ketika menganalisis petikan teks kritikan tersebut.

Justeru itu, *the self*/kita bertindak untuk melakukan pengecualian terhadap *the other*/mereka. Hal ini kerana ianya menepati prinsip asal teori pengecualian iaitu O(s,o) (Brons 2015). Prinsip teori pengecualian ini terjadi apabila *the self* ataupun *the other* saling mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Jika diteliti, O(s,o), O merujuk kepada proses pengecualian berlaku, dan s sebagai *the self/superior* atau erti kata lain *the self*/kita mempunyai kedudukan yang lebih besar daripada kalangan *the other*/mereka. Manakala o pula bermaksud *the other*/mereka/*inferior*. *Inferior* disini bermaksud berada pada kedudukan rendah atas faktor pengecualian yang dilakukan oleh *the self*/kita terhadapnya. Prinsip O(s,o) mempunyai

kurungan antara s dan o yang membawa maksud kedua tahap ini saling berkaitan. Sekiranya *the self* kita mempunyai pangkat yang besar atau berada dalam keadaan *superior, the self*/kita tersebut akan membuatkan kalangan *the other*/mereka jatuh dan kejatuhan ini diertikan sebagai *inferior*.

PERBINCANGAN

KRITIKAN TERHADAP PERSONALITI PADERI

Perwatakan paderi dalam travelognya dilihat sebagai seorang yang tamak yang menginginkan keuntungan peribadi semata. Pandangan negatif ini ditonjolkan dalam petikan di bawah:

While success comes first and before everything, and the means are not important, and this success will reflect on him with fine results: money and stature. The more people that join his church, the greater is his income (Sayyid Qutb 1951).

Berdasarkan petikan di atas dapat diperhatikan Sayyid Qutb mengkritik mengenai personaliti paderi di gereja Amerika Syarikat yang terlalu taksu dengan kemewahan dunia sahaja. Mereka mengambil kesempatan atas jawatan yang diberikan semata untuk mengaut kekuasaan pangkat dan harta sahaja. Pihak paderi melakukan sebegini bagi mendapatkan populariti. Ini ditonjolkan dalam perkataan "*semakin*" dalam petikan di atas menunjukkan kepada keinginan untuk mencapai sesuatu peningkatan. Justeru itu, mereka tidak mepedulikan apa sekalipun caranya yang menjadi keutamaannya adalah keuntungan dan meraih populariti demi kekayaan peribadi.

Secara umumnya seorang paderi merupakan daripada golongan yang dipandang tinggi dalam masyarakat di Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20. Disebabkan itu, perlantikan paderi sangat teliti dan rigid. Ini dibuktikan dalam disertasi Hamizan Abd. Aziz (2001), *Konsep Kepaderian Di Dalam Kristian Dan Pandangan Islam*, perlantikan paderi memerlukan proses yang berperingkat. Selain daripada menjalani ujian sendiri yang menguji dari sudut perwatakan dalamannya, paderi juga diberikan ujian bertulis dan mereka perlu lulus semua ujian tersebut bagi melayakkan mereka menjawat jawatan sebagai seorang paderi. Antara ciri-ciri yang diperlukan ialah seorang paderi mesti dari kalangan orang yang berilmu, beriman, berpengalaman dan berperwatakan mulia. Sekiranya tidak memenuhi segala ciri-ciri tersebut mereka tidak layak untuk

dipanggil sebagai seorang paderi di Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20.


Berdasarkan penelitian, unsur paradoks dalam petikan di atas dikesan melalui percanggahan personaliti paderi dengan realiti sekarang. Hal ini kerana paderi yang ditonjolkan dalam petikan Sayyid Qutb ini bersifat tamak semata dan mementingkan hal keduniaan sahaja. Kajian Lailatul Fitriyah (2016), *Jangan Terlalu Materialistik: Materialism Sebagai Tolak Ukur Kepuasan Hidup* dalam *Jurnal Psikovidya* menyatakan, seseorang yang terlalu mengagungkan kebendaan dan kemewahan dunia dianggap sebagai seorang yang materialisme. Sikap sebegini dapat dilihat dalam petikan Sayyid Qutb bahawa paderi hanya melihat kekuasaan dan pangkat semata demi mengaut keuntungan sendiri. Mata mereka dikaburkan dengan kewangan sahaja bukannya nilai kerohanian. Kajiannya turut membuktikan barangsiapa yang suka kemewahan dunia, pemikiran mereka sebenarnya terdorong ke arah negatif. Ini kerana mereka terlalu taksu untuk mendapatkan duit yang banyak sehingga sanggup melakukan apa sahaja tidak kira datang daripada hasil yang halal ataupun hasil yang haram. Justeru itu, Sayyid Qutb menyatakan sifat ini cenderung dilihat dalam diri paderi di Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 yang sentiasa menginginkan kenikmatan dunia.

Namun jika dilihat, Amerika Syarikat merupakan sebuah negara maju mengalahkan negara-negara barat yang lain di dunia ini. Mereka banyak mencipta dan menghasilkan pelbagai kemajuan teknologi yang memudahkan manusia di muka bumi ini. Disebabkan itu, mereka lebih mementingkan keduniaan sahaja bagi mencapai targetnya sebagai pengeluar utama kepada kemajuan teknologi dunia. Namun sikap sebegini sebenarnya mendatangkan impak yang sangat buruk terhadap kejiwaan masyarakatnya. Ini dibuktikan dalam kajian Nurul Sofiah (2020), *Peranan Kesihatan Mental Sebagai Moderator Terhadap Kecenderungan Bunuh Diri*, rakyat Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang mencatatkan nilai tertinggi kematian bunuh diri. Jika dikaji antara punca utama kematian adalah disebabkan kemurungan, kekecewaan dan tidak ketinggalan juga tekanan mental dan fizikal dalam bidang pekerjaan. Berdasarkan kenyataan ini, disimpulkan sikap tamak sangat bahaya dan perlu dikawal sebaiknya, jika tidak kelak ianya akan memakan diri sendiri.

Namun jika diperhatikan kritikan negatif terhadap personaliti paderi ini hanyalah gambaran

Sayyid Qutb sahaja. Hal ini kerana beliau merupakan seorang yang zuhud berasal dari keluarga yang berlandaskan syariah Islamiyyah. Ini membuktikan peribadinya sejak dahulu lagi memang tidak terpesona dengan mana-mana agama selain agama Islam. Disebabkan itu dalam

penulisannya beliau menyatakan paderi sebagai seorang yang tamak. Berdasarkan petikan di atas teori pengecualian (PTDC) menjadi terjemahan pemikiran kekreatifannya. Penerangan lebih lanjut seperti di rajah berikut:




RAJAH 4. Kedudukan *the self/kita* dalam Pengecualian Tersirat (PTDC) (Brons 2014)

Bentuk teori jenis (PTDC) diaplikasikan atas faktor perbezaan identiti diri antara *the self* dan *the other*. Secara umumnya, identiti diri ini diukur berdasarkan tiga ciri utama iaitu kalangan *the self/kita* mesti terdiri daripada seseorang yang berpengaruh, berpengetahuan mengenai *the other* dan berpengalaman luas. Namun dalam bentuk (PTDC) ini, identiti diri yang lebih ditekankan adalah dari sudut keilmuan yang tinggi mengenai sesuatu perkara.

Erti kata lain, *the self/kita* seorang yang bermoral bukan sahaja mengetahui kelebihan dari kalangannya sahaja, bahkan turut mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan hal *the other/mereka* khususnya dari sudut kebudayaan dan keagamaan *the other*. Justeru itu, situasi ini

bersinonim dengan Sayyid Qutb yang berasal dari kalangan *the self/kita*. Beliau merupakan seorang yang terkenal dengan sifat kezuhudan dan berpengetahuan luas khususnya mengenai ilmu keagamaan membuatkan beliau disegani ramai. Maka, disebabkan itu beliau layak untuk mengkritik kalangan paderi tersebut sebagai seorang yang tamak akan harta dan pangkat. Ini bertujuan bagi menampakkan dirinya lebih baik dari kalangan *the other/mereka* (paderi) dan perlunya kalangan *the other/mereka* (paderi) tersebut mencontohi dirinya. Situasi ini membuatkan kalangan *the other/mereka* (paderi) berada pada kedudukan yang lebih rendah atau erti kata lain *inferior*. Struktur formula di bawah menjadi terjemahan kepada bentuk ini:



RAJAH 5. Struktur formula (PTDC) (Brons 2014)

Rajah 5 menunjukkan keadaan antara *the self* dan *the other*. Simbol s merujuk kepada *the self* berada dalam keadaan *superior* iaitu mempunyai kedudukan yang tinggi. Manakala simbol > pula bermaksud mempunyai keilmuan yang lebih mendalam terhadap sesuatu dan simbol o, merujuk kepada *the other* berada dalam kedudukan *inferior*. Struktur ini menerangkan kalangan *the self* atau erti kata lain (Sayyid Qutb) adalah lebih tinggi kelayakannya atas faktor keilmuannya yang mendalam terhadap keagamaan. Justeru itu, *the self*/Sayyid Qutb menganggap dirinya adalah lebih baik berbanding *the other* dan menjadi keperluan untuk kalangan *the other*/paderi tersebut menjadikan dirinya sebagai contoh ikutan dalam kehidupan mereka. Begitulah penganalisisannya terhadap personaliti paderi di gereja. Namun, bagaimana pula dari sudut peranan paderi? Adakah Sayyid Qutb masih berada pada takuk pemikirannya yang sama? Persoalan ini akan dikupas dalam analisis kajian yang seterusnya.

KRITIKAN TERHADAP PERANAN PADERI

Kritikan negatif seterusnya adalah mengenai peranan paderi. Paderi di gereja Amerika Syarikat dinyatakan sebagai seorang yang berpengaruh besar terhadap aktiviti yang merosakkan hati dan jiwa pengunjung gereja. Kenyataan ini terbukti dalam petikannya:

“... and the Father chose. He chose a famous American song called “But Baby, It’s Cold Outside,” which is composed of a dialogue between a boy and a girl returning from their evening date. The boy took the girl to his home and kept her from leaving. She entreated him to let her return home, for it was getting late, and her mother was waiting but every time she would make an excuse, he would reply to her with this line: but baby, it’s cold outside! And the minister waited until he saw people stepping to the rhythm of this moving song, and he seemed satisfied and contented. He left the dance floor for his home, leaving the men and the women to enjoy this night in all its pleasure and innocence!” (Sayyid Qutb 1951).

Sayyid Qutb menurut kacamataanya memandang paderi sebenarnya memberi kesan besar terhadap kedatangan pengunjung ke gereja di Amerika Syarikat. Kritikan dalam petikan ini banyak menonjolkan dari sisi pemilihan lagu paderi, “*but baby it’s cold outside*”. Tindakan ini dilakukan supaya pengunjung dapat bertahan lebih lama dalam gerejanya. Melalui petikan ini, didapati nada berkonotasi sindiran lebih mendominasi. Ini kerana Sayyid Qutb telah mengkritik paderi yang merupakan ahli agamawan di Amerika Syarikat bertindak untuk

memilih lagu berunsurkan keghairahan semata. Ini dibuktikan dalam lirik lagunya, yang terkandung makna-makna yang menghairahkan yang sudah pasti apabila mendengar lirik tersebut ianya dapat menciptakan suasana yang ghairah dalam gereja. Antara lirik lagunya seperti “*it’s your body and your choice*” (ini badanmu dan pilihanmu). Dilihat lirik lagunya banyak menggunakan unsur romantik yang melampau sehingga dapat menarik ramai pengunjung gereja menyertai aktiviti yang bernafsu tersebut.

Justeru itu, menerusi lagu ianya dapat membuatkan seseorang itu bertukar moodnya daripada neutral kepada mood ghairah semasa mendengar. Namun begitu, tidak dapat dinafikan juga, mendengar lagu, juga dapat memulihkan kesihatan seseorang. Hal ini kerana lagu mempunyai pelbagai manfaatnya. Menurut Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa’ari (2019) dalam artikelnya *Pendekatan Psikoterapi Islam Dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik*, mendengar lagu dapat memulihkan tekanan dan memenangkan jiwa seseorang. Manakala Perham dan Currie (2014), dalam artikelnya *Does Listening to Preferred Music Improve Reading Comprehension Performance?* menyatakan pendengaran lagu yang baik dapat memberi kesan yang baik pada diri. Jika seseorang memilih lagu keagamaan maka ianya dapat memberi ketenangan dalam jiwa. Begitu juga yang berlaku dalam petikan di atas. Pesta keghairahan tersebut terdapat disebabkan oleh pemilihan genre lagu yang negatif maka suasana tersebut akan mendorong ke arah yang negatif. Ini kerana setiap lagu yang dimainkan mempunyai genre tersendiri sama ada genre pop, balada ataupun slow rock. Berdasarkan petikan di atas, lagu *but baby it’s cold outside* merupakan genre pop. Cook et al. (2017) *Music as An Emotion Regulation Strategy: An Examination of Genres of Music and their Roles in Emotion Regulation* dalam *Psychology of Music Journal* menyatakan genre jenis pop memberi pengaruh yang sangat kuat dalam merangsang mood keghairahan individu. Jelas, Sayyid Qutb mengkritik bahawa pihak paderi sengaja memilih genre jenis pop supaya pihak pengunjung gereja dapat melibatkan diri dalam pesta keliaran tersebut. Justeru itu dapat dilihat pemilihan lagu oleh paderi tersebut sememangnya memberi impak yang besar terhadap kunjungan pengunjung ke gereja di Amerika Syarikat pada pertengahan abad ke-20.

Kritikannya terhadap peranan paderi tersebut disebabkan Sayyid Qutb bersinonim dengan

kebudayaan Amerika Syarikat. Justeru itu, berkemungkinan kritikan tersebut mengembalikan Sayyid Qutb terhadap gaya hidup bebas masyarakat Barat dalam penulisannya. Berdasarkan kritiknya di atas, teori pengecualian bentuk PTK menjadi terjemahan kepada analoginya terhadap peranan paderi di gereja. Jika diteliti jenis teori PTK ini merupakan jenis pengecualian tersirat tidak

terlalu pesimistik. Secara umumnya teori jenis ini berlaku disebabkan kelebihan identiti diri *the self* kita. Erti kata lain Sayyid Qutb yang mempunyai pangkat, keilmuan dan pengalaman terhadap the other membuatkan dirinya berhak mengandaikan kalangan yang lain tidak akan pernah termasuk dari kelompoknya. Ini dibuktikan dalam struktur formula seperti di bawah:

F (s \wedge , \neg o)	
F	: kelebihan
s	: <i>the self</i> /kita
\wedge	: lebih berkedudukan tinggi
\neg	: berkedudukan rendah
o	: <i>the other</i> /mereka

RAJAH 6. Struktur formula (PTK) (Brons 2015)

Rajah 6 menerangkan kejadian (PTK). Didapati terdapat dua pecahan utama. Pertama, F (s \wedge) dan keduanya, F (\neg o). Simbol F merujuk kepada kelebihan yang ada dalam diri seseorang. Kelebihan tersebut terdiri daripada pangkat yang besar, berpengetahuan tinggi dan pengalaman yang luas. Namun dalam konteks ini penekanan khusus adalah pada kedudukannya atau erti kata lain pangkatnya dalam masyarakat. Pecahan pada simbol pertama, (s \wedge) pada F (s \wedge) bermaksud kalangan *the self* tersebut berkedudukan superior atau erti kata lain mempunyai pangkat yang besar dalam kalangan masyarakat. Manakala formula (\neg o) dalam F (\neg o) merujuk kepada *the other*/kalangan mereka berada pada kedudukan rendah sekaligus membuatkan mereka terasing secara radikal. Justeru itu formula pada rajah di atas menerangkan sekiranya seseorang berpangkat besar, *the self* tersebut akan merasakan dirinya hebat dan tanpa rasa bersalah mengandaikan kalangan individu yang lain bukan dari kalangan *the self*/kita/Sayyid Qutb. Jenis pengecualian ini terjadi disebabkan kalangan *the self* sedari awal sememangnya tidak menyukai hal berkaitan the other.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga hasil dapatan yang difokuskan. Pertama, mengenai pemikir hebat Sayyid Qutb, keduanya, realiti keagamaan masyarakat Amerika Syarikat pada pertengahan abad ke-20 dan yang terakhir merupakan kritikan

negatif terhadap paderi di gereja Amerika Syarikat. Hasil dapatan pertama ialah berkenaan pemikir hebat Sayyid Qutb. Kajian mendapati beliau merupakan seorang ahli pemikir sastera yang kritis dan terkenal pada abad ke-20. Ideologi pemikirannya yang hebat membantu umat Islam keseluruhannya daripada dijajah oleh ideologi Barat khususnya di Mesir. Bahkan juga, beliau banyak menyumbangkan pelbagai kemanfaatan terhadap perkembangan Islam. Berdasarkan petikan-petikan di atas beliau banyak menggunakan konotasi berbentuk sindiran dan kritikan dalam catatan kembaranya terhadap paderi di gereja Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20.

Namun setiap daripada petikan kembaranya itu memerlukan kepada daya pemikiran yang kritis untuk memahami dan mentafsir sesuatu makna tersebut. Hal ini terjadi kerana keperibadiannya yang mahir dalam kritikan sastera moden. Melalui petikan di atas, beliau dilihat secara keseluruhannya merupakan seorang yang fanatik terhadap agama. Namun ini terjadi disebabkan keperibadiannya yang tidak langsung terpesona dengan mana-mana agama selain agama Islam sahaja. Bukan setakat itu sahaja, beliau sebenarnya takut dirinya dilabel berpaling atau *riddah* daripada Allah swt.

Keperibadian ini tercetus kerana beliau terkesan dengan azab-azab yang menimpa umat terdahulu yang mengingkari suruhan Allah swt bahkan turut melazimi diri mereka dengan amalan-amalan yang dilarang oleh Allah swt. Justeru itu, berbekalkan semangat yang ada dalam dirinya ini, beliau terus

bangkit memperjuangkan dan mengembangkan lagi panji Islamiyyah dengan merancang pelbagai strategi ampuh bagi membangkitkan semula agama Islam daripada ditawan oleh propaganda Barat di Mesir ketika itu. Kajian ini ingin menekankan tanpa perjuangan daripada pejuang-pejuang Islam seperti Sayyid Qutb dan Hassan al-Banna, ummat Islam sudah pasti hanyut tertawan dalam pengaruh Barat. Bukan setakat itu sahaja, disebabkan perjuangan pejuang Islam, sehingga kini agama Islam dapat dikembangkan ke santero dunia.

Seterusnya hasil dapatan kajian kedua berkenaan realiti keagamaan Amerika Syarikat, didapati ajaran agama Kristian lebih mendominasi. Secara umumnya Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 masyarakatnya sangat mementingkan nilai kerohanian dan kejiwaan dalam diri. Mereka sentiasa mengamalkan amalan kerohanian bertujuan untuk mengisi kekosongan jiwa mereka yang sangat terkesan ketika itu yang telah ditawan oleh zaman gelap Eropah. Namun, Sayyid Qutb lebih menekankan kritiknya terhadap keperibadian paderi di gereja yang sangat bercanggahan dengan realiti keagamaan Amerika Syarikat ketika itu. Beliau mengukur personaliti dan peranan paderi menerusi kacamataanya. Namun apa yang dilihat olehnya hanyalah dari sudut negatif sahaja. Beliau menyatakan paderi di gereja seorang yang materialistik semata demi mencapai kemewahan dan pangkat dunia sahaja tanpa mempedulikan sisi ukhrawi. Selain itu, beliau juga menyatakan paderi merupakan *figure* yang membentuk masyarakat Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20 menjadi seorang yang dambakan amalan-amalan hedonisme yang merosakkan akal pemikiran seseorang.

Oleh itu, dalam travelognya sangat bercanggahan sekali dengan realiti keagamaan Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20. Berkemungkinan ini semua terjadi disebabkan dirinya yang tidak mempercayai segala apa yang bersangkutan dengan Barat khususnya dari segi sejarah yang dicatatkan oleh orang Barat. Menurut kacamataanya, segala sejarah mengenai Barat sama ada yang tertulis mahupun tidak merupakan satu rekaan mereka sahaja. Ini dilakukan agar umat Islam mempercayai segala apa yang baik adalah datang daripada agamanya bukanlah agama yang lain. Mereka menggunakan strategi halus bagi menawan pemikiran umat Islam supaya mengikut cara kebudayaan agamanya. Sayyid Qutb mempercayai bahawa ini semua hanyalah strategi Barat bagi menjatuhkan Islam secara perlahan.

Berkemungkinan Sayyid Qutb menyatakan sebegini kerana negara Barat khususnya Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang maju. Mereka maju dari sudut hal-hal pembangunan seperti pembinaan bangunan pencakar langit seperti World Trade Center mahupun pembangunan teknologi yang sehingga kini dipegang oleh kuasa Barat (Seyedeh Robabeh Zabihzadeh et al. 2017). Maka, tidak mustahil untuk mereka mengubah sejarah khasnya berkaitan keagamaan bagi menunjukkan bahawasanya agama mereka yang terbaik di seluruh dunia. Justeru itu, kritikan dalam travelog Sayyid Qutb yang difokuskan terhadap kritikan paderi dilakukan bagi membuka mata umat Islam ketika itu, agar mereka tidak terpengaruh dengan agenda tipu muslihat Barat. Oleh itu, Sayyid Qutb beranggapan umat Islam perlunya bangkit melawan musuh Islam ketika itu dengan sebaik mungkin.

Manakala hasil dapatan kajian terakhir adalah mengenai kritikan Sayyid Qutb terhadap paderi di Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20. Travelog Sayyid Qutb, *Amerika Allati Ra'ytu* khasnya tema keagamaan banyak menggunakan pendekatan kritikan pesimistik khususnya berkaitan institusi paderi. Namun disebalik kritikan pesimistik tersebut mempunyai makna terselindung yang perlu di analisis bagi memahami pemikiran Sayyid Qutb sebenarnya. Oleh itu, kajian telah menggunakan teori pengecualian sebagai sokongan utama bagi mentafsirkan kritiknya tersebut. Secara umumnya teori pengecualian ini melibatkan identiti yang perlu ada dalam diri individu. Ciri utama tersebut seperti pangkat yang dihormati masyarakat, ketajaman akal fikiran dan pengalaman yang meluas. Apabila identiti ini wujud dalam diri seseorang yang mengandaikan sesuatu kritikan tersebut, kalangan individu itu akan merasakan dirinya hebat dan melayakkan mereka untuk berpandangan pesimistik mahupun positif terhadap individu yang lain.

Maka persepsi pesimistik ataupun positif terletak pada latar belakang kalangan individu tersebut. Erti kata lain, persepsi Sayyid Qutb terhadap paderi adalah atas faktor latar belakang dirinya yang merupakan seorang pejuang Islam, berada di bawah kendalian emosi kecewa kerana kejatuhan Islam di tangan Barat. Rentetan itu, Sayyid Qutb banyak menggunakan aspek kritikan pesimistik khususnya institusi paderi bagi meluahkan segala rasa kekecewaan yang dirasai olehnya. Beliau begitu kecewa dengan pergolakan yang berlaku di Mesir pada ketika itu lantas membuatnya bertindak merancang strategi untuk berjihad menentang

ideologi Barat yang semakin berleluasa di Mesir. Justeru itu, kritikan tersebut dilakukan sebagai satu medium penentangannya terhadap ideologi Barat di Mesir.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, travelog Sayyid Qutb banyak menggunakan unsur kritikan pesimistik khususnya terhadap tema keagamaan. Beliau telah mengkritik mengenai personaliti dan peranan paderi di gereja Amerika Syarikat pada pertengahan abad ke-20. Didapati segala kritikan tersebut dilakukan bagi membangkitkan syiar Islamiyyah di Mesir ketika itu. Ideologinya memberi impak besar terhadap kemaslahatan agama Islam bagi menentang ideologi Barat yang semakin berleluasa di Mesir ketika itu. Justeru itu, Sayyid Qutb berjaya membawa imejnya sebagai seorang tokoh pemikir Islam dan pengkritik Muslim yang kritis dalam travelognya *Amerika Allati Ra'ytu*.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan bagi Program Penyelidikan Prasiswazah Mutiara UKM (MUTIARA-A167871) di bawah kajian ilmiah bertajuk, 'Persepsi Sayyid Qutb Terhadap Paderi di Amerika Syarikat dalam travelognya *Amerika Allati Ra'ytu*. Saya amat bersyukur atas peluang dan kewangan yang telah diberikan. Di samping itu juga, saya berterima kasih atas pengorbanan penyelia saya Dr. Firuz-Akhtar Lubis di bawah Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2019-016) kerana banyak membantu saya dari sudut penyelidikan dengan pemikiran kritis dan sudut kewangan dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

RUJUKAN

- Achmad Mubarak. 1985. *Perbandingan Agama Islam dan Kristen Tentang Sakramen Gereja*. Bandung: Pustaka.
- Ahmad Izahan Ibrahim & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2018. Pemikiran politik Hassan al-Banna, Syed Qutb dan Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat: Satu analisis. *Asian People Journal* 1(1): 214-223.
- Amir Husayn Mohd Nor. 2001. Offensive and defensive jihad according to Sayyid Qutb. *Islamiyyat* 22:45-57.
- Armstrong, K. 2002. *Islam: A Short History*. United States: The Modern Library.
- Astin, J.A. 1998. Why patients use alternative medicine: Results of a national study. *JAMA* 279 (19): 1548-1553.
- Ataur Rehman. 2020. Moralities: A contemporary discourse between new Atheism and Islam. *Islamiyyat* 42(2) 2020: 113 - 124.
- Azaizeh, H., Saad, B., Cooper, E., & Said, O. 2010. Traditional Arabic and Islamic medicine: A re-emerging health aid. *Evid Based Complement Alternat Med* 7(4): 419-424.
- Bauman, Z. 1991. *Modernity and Ambivalence*. Cambridge: Polity Press.
- Brons, L.L. 2014. Needing the other: the anatomy of the mass noun thesis. *Argument* 4(1): 103-122.
- Brons, L.L. 2015. Othering, an analysis. *Journal of Global Studies* 6(1): 69-90.
- Canales, M.K. 2000. Othering: toward an understanding of difference. *Advancein Nursing Science* 22: 16-31.
- Cook, T., Ashlin R.K. & Welker, K.M. 2017. Music as an emotion regulation strategy: an examination of genres of music and their roles in emotion regulation. *Psychology of Music* 47(2): 2-11.
- Esposito, J.L. 1995. *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World, Vol .3*. New York: Oxford University Press.
- H.M. Arsyad Thalib Lubis. 1982. *Perbandingan Agama Kristian dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Melayu Baru.
- Hamizan Abd. Aziz. 2001. Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan pandangan Islam. Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Herpin Nopiandi Khurosan. 2019. Dunia yang dilaporkan, diri dan liyan dalam Novel Edensor karya Andrea Hirata. *Jurnal Bahasa dan Pembelajaran Indonesia* 6(1): 17-27.
- Ilmia Alif Rosyidah. 2019. Konsep Mahannatullah penafsiran Sayyid Qutb dalam Tafsir Fi Zilal Al- Quran. Disertasi Ijazah Sarjana, Program Studi Ilmu al-Quran dan Tafsir, Fakultas Usuluddin dan Filsafat, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Indriaty Ismail & Muhammad Khairul Anuar Mat Saupi. 2020. Genealogi agama: sumbangan H.O.K. Rahmat S.H. (1928-1993) dalam buku 'Dari Adam Hingga Muhammad' (1976). *Islamiyyat* 42(2) 2020: 35 - 48.
- Jawahir Thontowi. 2001. Yerusalem tanah suci agama samawi dalam perspektif hukum dan perdamaian. *Jurnal Hukum* 18(8): 147-150.
- Karen Armstrong. 2001. *The Battle for God, A History of Fundamentalism*. New York: The Ballantine Publishing Group.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. 2013. Pengubatan alternatif berteraskan Islam: Analisis perkembangan dan hala tujunnya di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia* 6: 55-87.

- Lailatul Fitriyah. 2016. Jangan terlalu materialistik: Materialisme sebagai tolak ukur kepuasan hidup. *Jurnal Psikovidya* 20(1): 1-8.
- Manasye Imanuelo. 2010. Yogyakarta Christian center. Disertasi Ijazah Sarjana, Program Studi Arsitektur Fakultas Teknik, Universitas ATMA Jaya Yogyakarta.
- Maryam Jameelah. 1983. *Islam Versus Ahl Al-Kitab Past and Present*. Pakistan: Yusuf Khan and The Sons.
- Mohd Farhan Md. Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Ismail. 2016. Rawatan kesihatan berasaskan perubatan alternatif Islam: persepsi masyarakat di Malaysia. *Jurnal Rampak Serantau* 23(6): 1-30.
- Mohd. Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Ismail & Muhammad Ikhlas Rosele. 2013. Seni perubatan alternatif di Malaysia: Analisis permasalahan metode rawatan. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)* 3(2): 79-90.
- Muhamad Faisal Ashaari, Lily Yaakub & Rosmawati Mohamad Rasi. 2020. pemikiran pluralisme agama dalam penulisan buku indie 'Aku..., Maka Aku Ada' dan 'Antithesis'. *Islamiyyat* 42(2): 49-59.
- Muhammad Naim Madjid. 2018. At-Taswir al-fanni fi al-quran karim inda Sayyid Qutb: Mafhumuhu Akhosoihi Albarizah. *Jurnal Adabiyah* 18(2): 105-122.
- Muhammad Roy Purwanto. 2019. *Keadilan Dan Negara (Pemikiran Sayyid Qutb Tentang Negara Yang Berkeadilan)*. Yogyakarta: Universiti Islam Indonesia.
- Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ari. 2019. Pendekatan psikoterapi Islam dalam menguruskan tekanan pesakit kronik. *Jurnal Usuluddin* 47 (1): 1-34.
- Nurul Sofiah Ahmad Abd Malek et al. 2020. Peranan kesihatan mental sebagai moderator terhadap kecenderungan bunuh diri. *Jurnal Sains Sosial* 5(1):87-99.
- Patrick Allitt. 2003. *Religion in America Since 1945: A History*. New York: Columbia University Press.
- Perham, N. & Currie, H. 2014. Does listening to preferred music improve reading comprehension performance? *Applied Cognitive Psychology* 28(2) :279-284.
- Rahmah Ahmad Osman. 2003. Islam and Literature: and analysis of the discussions in the Middle East and Malaysia. Disertasi Dr. Fal, University of London.
- Rosni Samah, Noor Azizi Ismail & Nurhasma Muhammad Saad. 2011. Sumbangan Sayyid Qutb dalam perkembangan sastera Islam moden. *Jurnal Usuluddin* 33: 68-83.
- Salah Abdul Fattah al-Khalidiyy. 1994. *Sayyid Qutb Min al-Milad ila al-Isytishad*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Syalabi, Ahmad. 1998. *Muqaranat al-Adyan: al Yhudiyyah*. Mesir: Maktabah an-Nahdah al Misriyyah.
- Zakaria Daud. 1996. Agama Kristian kini dan pengasasnya. *Jurnal Usuluddin* 3:1-18.

PENGARANG

Firuz-Akhtar Lubis @ Firuz Akhtar Mohamad Bohari
 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 firuz@ukm.edu.my

Nur Asyiqin Zohkarnain
 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 A167871@ukm.edu.my